

26 MAR 1997

Abdullah-MSK

JEPUN SAMBUT BAIK KORIDOR RAYA MULTIMEDIA MALAYSIA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 26 Mac (Bernama) -- Jepun telah menyambut baik langkah Malaysia untuk menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan akan mengkaji bagaimana ia boleh menyertai pembangunannya, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto semasa berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan MSC sebagai sesuatu yang baik bagi masa depan Malaysia.

Hashimoto berkata beliau akan berbincang dengan pakar-pakar tentang bagaimana Jepun boleh mengambil bahagian dalam pembangunan zon khas seluas 15km kali 50km itu yang akan meliputi sebuah bandar raya siber, pusat pentadbiran baru Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru.

Malaysia berminat dengan penyertaan syarikat Jepun yang sudah agak maju dalam teknologi maklumat dalam MSC itu terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, sumber manusia dan pembuatan perkakasan.

Abdullah berkata kedua-dua perdana menteri itu juga telah membincangkan perhubungan Asean-Jepun, kedudukan Myanmar, isu-isu berkaitan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan perkara hubungan dua hala yang lain termasuk defisit perdagangan Malaysia dengan Jepun.

Kedua-dua pemimpin itu telah bersetuju bahawa para pegawai kanan kedua-dua negara harus terus membincangkan perkara berkaitan defisit perdagangan itu, lebih-lebih lagi memandangkan terdapat perbezaan perangkaan yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak.

Dr Mahathir kini dalam rangka lawatan empat hari ke Jepun, lawatan rasminya yang kedua ke sini sejak 1983. -- BERNAMA

SJ RI NMO